

Dr M dedah muslihat Pas

“ BH 12 MAY 2000

Sokongan media Barat dan pihak tertentu kepada Pas adalah dengan maksud untuk melemahkan negara ini dan kemudian menjajahnya semula.

”

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan muslihat Pas yang sanggup memperalatkan apa saja asalkan matlamat untuk memerintah negara ini tercapai.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, dakwah Pas itu termasuk memperalatkan Datuk Seri Anwar Ibrahim, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan DAP untuk meraih undi pada pilihan raya umum November lalu.

“Walaupun pemimpin Pas tahu lebih awal lagi mengenai moral Anwar dan biasa menyindirnya ketika beliau menjadi pemimpin Umno, apabila beliau disingkirkan dari kerajaan kerana sebab yang sama, Pas menutup sebelah mata dan berpura-pura mempertahankannya.

“Nasib buruk Anwar adalah satu nikmat bagi Pas,” katanya ketika menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Seramai 2,010 perwakilan menghadiri perhimpunan yang pertama kali diadakan

pada alaf baru ini. Turut hadir ialah 42 pemimpin mewakili parti dari 18 negara asing.


Dr Mahathir berkata, Pas mendakwa kononnya penyingkiran dan dakwaan terhadap Anwar adalah satu kezaliman dan dengan serta merta ia menyertai gabungan yang dianjurkan oleh Keadilan yang dianggotai penyokong Anwar.

Katanya, gambar mata lebam Anwar dipamerkan oleh Pas ketika pilihan raya umum lalu untuk menunjukkan betapa zalimnya kerajaan.

Beliau berkata, walaupun mereka tahu yang mata lebam itu bukan kerana kerajaan menyuruh supaya Anwar dipukul, Pas menyalahkan kerajaan juga.

“Pas tidak bersimpati dengan Anwar kerana mata lebamnya, kerana beliau telah didapati bersalah dan dipenjarakan. Yang Pas lihat hanyalah peluang untuk mengeksploitasi nasib Anwar bagi memancing undi,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Pas juga dalam keadaan tidak sedar sedang dipermainkan dan diperalatkan oleh musuh Islam untuk memusnahkan



**PERHIMPUNAN
AGUNG UMNO
KE-54**

negara ini.

Katanya, Pas seperti parti serpihan di negara lain turut mendapat sokongan media Barat dan pihak tertentu dengan menganggap ia sebagai parti sederhana yang perlu disokong oleh bukan Islam untuk menjatuhkan kerajaan pimpinan Umno.

Beliau berkata, sokongan media Barat dan pihak tertentu kepada Pas adalah dengan maksud untuk melemahkan negara ini dan kemudian menjajahnya semula.

“Ternampak seolah-olah mereka suka negara Islam. Apakah benar mereka suka negara Islam?”

“Besarnya kemungkinan mereka suka kerana percaya negara yang diperintah oleh apa yang mereka kenali sebagai fundamentalis Islam akan membawa perasaan tidak senang hati di kalangan penganut agama lain, menghalang pembangunan dan kemajuan Malaysia, melemahkannya sehingga dapat dijajah semula,” katanya.

Beliau berkata, jika negara ini lemah dan dapat dijajah semula, Malaysia tidak dapat lagi menegur negara Barat dan alat-alat mereka apabila mereka melakukan ketidakadilan kepada negara membangun.

“Hari ini hanya Malaysia saja yang sanggup mengkritik Barat. Tentulah mereka merasa lega apabila Umno sibuk bergelut dengan Pas sehingga terlupa terhadap penganiayaan ke atas umat Islam di Bosnia, Kosovo, Sudan, Iran, Iraq dan lain-lain,” katanya.

Dr Mahathir berkata, muslihat lain yang sanggup dilakukan Pas untuk mencapai matlamat memerintah negara ini ialah bekerjasama dengan

DAP yang pernah dimusuhi sebelum ini serta membuat dakwaan bertentangan ajaran Islam seperti Allah mencurut demi mencapai kemenangan dalam pilihan raya.

Katanya, Pas turut mengambil peluang daripada kebebasan demokrasi di negara ini untuk menabur fitnah, menyemai kebencian kepada Umno serta menutup mata dan hati rakyat kepada perkara yang benar.

“Sejak Pas ditubuhkan, strateginya tertumpu kepada membangkitkan kebencian kepada Umno kerana kononnya Umno tidak Islam. Awalnya lagi Pas telah mengka-firkan orang Umno.

“Walaupun ada yang terpengaruh dengan dakwah Pas, sehingga kini Pas tidak mendapat sokongan yang mencukupi untuk memerintah negara ini.

“Matlamat Pas ialah untuk menguasai Kerajaan Pusat. Untuk ini Pas sanggup membuat apa saja. Jika Pas perlu memeluk musuh ketat mereka iaitu DAP, jika ahli Pas perlu berkempen untuk DAP, perlu menjun-

jung roket sambil berteriak Allahu Akbar, Pas sanggup buat,” katanya.

Dr Mahathir berkata, ketidakikhlasan Pas berse-kongkol dengan Keadilan pula terbukti pada pilihan raya umum lalu apabila parti itu menentukan Keadilan mendapat kawasan yang sukar dimenangi dan akibatnya Keadilan hanya menjadi rakan yang kecil dalam gabungan pembangkang.

Beliau berkata, jika Anwar dan penyokongnya percaya Pas akan memilih beliau menjadi Perdana Menteri apabila mereka menang, mereka sebenarnya mengigau di siang hari kecuali Keadilan mendapat lebih banyak kerusi daripada Pas dan DAP.

Katanya, Keadilan pun bukan sebuah parti yang berjuang untuk keadilan sebaliknya mendaulatkan ketidakadilan apabila parti itu bermatlamat mengecualikan Anwar daripada tindakan undang-undang negara supaya beliau tidak boleh didakwa, dibicara, didapati bersalah atau dipenjarakan.